



suara eperolehan

April 2003 | Fasa 3 | Edisi 6

Sidang Editor:

En Cheong Beng Seng
Pn Hj Aabidah Siraj
Pn Nor Mazita Sharif
En Megat Zolkafeli
Pn Salina Isa
Cik Hasfa Reny
Cik Hazlinda Ibrahim
Pn Norhafizah Marzuki

Grafik & Rekabentuk

Cik Hasfa Reny

Ujian Penggunaan modul Tender ePerolehan bermula 21 April



Antara pengguna yang hadir

Bermula daripada 21 hingga 29 April 2003, modul Tender (yang telah dibangunkan sejak tahun 2001) telah menjalani ujian penggunaan sistem yang menyeluruh. Ianya bertujuan untuk mengukur peringkat kualiti dan kepercayaan penggunaan modul Tender supaya menepati prosedur perolehan Kerajaan.

Bagi tujuan tersebut, pihak ePerolehan telahpun menjemput beberapa pegawai perolehan Kerajaan dari Kementerian Pendidikan serta 10 orang pembekal (5 bagi produk dan 5 untuk perkhidmatan) bagi melaksanakan ujian ini. Mereka yang terpilih dianggap sebagai wakil kepada pengguna yang lain dalam membantu memberikan *input* serta pandangan kepada pihak ePerolehan.

Ujian simulasi Tender ini dilaksanakan menggunakan situasi sebenar seperti penggunaan rangkaian *dial-up* 56k dan mengambil kira tender-tender Kementerian Pendidikan yang telah dikeluarkan pada tahun lepas. Selain itu, para pengguna juga menguji keseluruhan fungsi-fungsi Tender yang terdapat di dalam ePerolehan seperti:

- Pembentukan Jawatankuasa
- Penyediaan Kriteria
- Penyediaan dan Penilaian Cadangan
- Pemilihan Pembekal
- Penyediaan Kontrak dan
- Pembekalan Pesanan

Di akhir ujian tersebut, pihak ePerolehan telahpun menerima maklumbalas yang positif daripada peserta yang terlibat. Puan Zainab Abdullah (Penolong Setiausaha) dari Kementerian Pendidikan Malaysia berpendapat bahawa navigasi melalui ePerolehan adalah mudah dan bersifat *user-friendly*. Kebanyakan peserta juga berpuas hati dengan modul ini kerana kesesuaiannya dengan sistem yang diamalkan sekarang.

Wakil daripada unit ePerolehan, En Wan Omar bin Wan Abdul Ghani selaku penyelaras pengujian sistem telah merakamkan ucapan terima kasihnya kepada semua peserta yang terlibat di atas kehadiran, sokongan serta komitmen yang telah ditunjukkan. Beliau memberi jaminan bahawa segala pandangan dan pendapat yang diterima akan direkodkan dan dipertimbangkan bagi tujuan penambahbaikan kepada sistem. Kepada pengguna-pengguna PTJ dan para pembekal, dinasihatkan supaya menggunakan modul Tender dan Sebutharga yang akan dilancarkan pada 5 Mei 2003.



Para pengguna Kerajaan dan para pembekal sedang melaksanakan ujian penggunaan modul Tender

Latihan Intensif Sebutharga dan Tender bermula 1 April 2003

Selepas kejayaan pelaksanaan modul Pendaftaran Pembekal, Kontrak Pusat dan Pembelian Terus, dua lagi modul iaitu Sebutharga dan Tender akan dilaksanakan pada 5 Mei 2003.



Wisma Tun Sambanthan

Permintaan yang menggalakkan telahpun diterima sejak akhir tahun 2002 terutamanya dari pihak pembekal Kerajaan untuk menghadiri kursus Sebutharga dan Tender sebagai persediaan awal sebelum kedua-dua modul ini dilaksanakan. Justeru itu, pihak Commerce Dot Com Sdn Bhd telahpun menubuhkan satu lagi pusat latihan khas untuk kursus Sebutharga dan Tender bertempat di Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.

Pusat Latihan ePerolehan yang beralamat di **Tingkat 25, Wisma Tun Sambanthan, No. 2, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur** ini mempunyai lokasi yang amat strategik. Kedudukannya berhampiran dengan kemudahan pengangkutan awam seperti Stesen Komuter KTM, Kuala Lumpur dan perhentian bas bagi memudahkan para peserta kursus.

Pusat latihan tersebut mempunyai empat bilik latihan yang boleh memuatkan 30 peserta bagi setiap kelas. Bilik-bilik latihan ini dilengkapi dengan komputer peribadi berinternet untuk memastikan setiap peserta dapat membuat latihan "hands-on". Selain itu, pusat latihan tersebut juga dilengkapi dengan bilik auditorium yang boleh memuatkan 300 orang bagi tujuan seminar ePerolehan.

Selain daripada menyediakan kemudahan pusat latihan, terdapat juga sebuah eP Shoppe yang dilengkapi dengan perkhidmatan *PC Pool*, perkhidmatan mencetak, perkhidmatan e-mel, penjualan Pembaca Kad Pintar dan penjualan cakera padat untuk *Computer Based Training* versi pembekal. Ia memudahkan para peserta kursus dan para pengguna ePerolehan untuk membuat sebarang pertanyaan dan urusaniaga berkaitan ePerolehan.



Antara para peserta kursus Sebutharga dan Tender



Setiap peserta dilengkapi dengan komputer untuk kemudahan "hands-on"

Latihan Sebutharga dan Tender bagi pembekal telahpun bermula pada 1 April 2003 di pusat latihan ini dan akan diteruskan dari masa ke semasa. Bagi pengguna-pengguna PTJ, latihan Sebutharga dan Tender sedang diadakan untuk 14 buah PTJ di bawah fasa satu dan dua yang berakhir pada hujung bulan April 2003.

ePerolehan kini mempunyai 2 pusat latihan iaitu di Shah Alam khusus untuk latihan Kontrak Pusat, Pembelian Terus dan Pendaftaran Pembekal, manakala di Wisma Tun Sambanthan khusus untuk latihan Sebutharga dan Tender.

Untuk keterangan lanjut mengenai latihan ePerolehan, sila hubungi Khidmat Bantuan Pelanggan kami di talian 03-83122626 atau e-mel kepada bantuanptj@eperolehan.com.my



NAM Showcase Malaysia 2003

Syarikat-syarikat tempatan yang bertujuan untuk meluaskan lagi pasaran produk mereka ke luar negara telah mengambil bahagian dalam pameran NAM Showcase Malaysia 2003. Ekspo yang telah berlangsung daripada 18-26 Februari 2003 ini diadakan sempena mesyuarat negara-negara berkecuali (Non-Aligned Movement - NAM) yang ke 13 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Terdapat lebih daripada 500 syarikat yang meliputi bidang telekomunikasi, elektrik, teknologi maklumat, pelancongan, automobil dan sebagainya telah mengambil bahagian.



Antara pengunjung ke kaunter ePerolehan



Kaunter Koridor Raya Multimedia

Untuk memperkenalkan aplikasi kerajaan elektronik khususnya sistem perolehan elektronik ke luar negara, Commerce Dot Com Sdn Bhd telah turut serta dalam pameran tersebut. Pengunjung-pengunjung yang terdiri daripada delegasi-delegasi NAM telah menunjukkan minat terhadap sistem ePerolehan dan amat berharap agar sistem ini dapat diperkenalkan dan digunakan di negara mereka.

Ramai juga berpendapat, pameran seumpama ini amat berfaedah dalam mencari pasaran dan rakan niaga yang baru dalam usaha untuk membantu mengembangkan lagi perniagaan masing-masing.

Mesej-mesej ralat ePerolehan dipermudahkan

Bagi memudahkan para pengguna Kerajaan dalam mengenalpasti mesej-mesej ralat yang dipaparkan semasa menggunakan sistem ePerolehan, pihak kami telahpun mengambil langkah memperbaiki mesej-mesej tersebut. Sekiranya para pengguna menghadapi masalah-masalah yang tersenarai di bawah, sila hubungi khidmat bantuan pelanggan ePerolehan di talian 03-8312 2626 dan sertakan kod ralat yang berkaitan bagi membolehkan penyelesaian masalah yang lebih cepat dan berkesan.

Kod Ralat	Error	Ralat
SPB 1015	There is an error connecting to the eSPKB message gateway	Ralat sambungan ke eSPKB message gateway
SPB 1017	Transaction timeout due to GiTN or eSPKB down	Masalah Transaction timeout disebabkan oleh gangguan GiTN atau eSPKB
SPB 1021	External connection down at (GiTN WAN)	Gangguan sambungan luaran GiTN WAN
SPB 1022	External connection down at (GiTN CPE)	Gangguan sambungan luaran (GiTN CPE)
SPB 1023	External connection down at (AG LAN)	Gangguan sambungan luaran (AG LAN)
SPB 1024	Connection to the eSPKB information broker down	Gangguan Pelayan broker maklumat eSPKB
SPB 1025	eSPKB Information Broker application error	Ralat aplikasi Broker Maklumat eSPKB

Berikut pula adalah mesej Kontrak Pusat dan Pembelian Terus yang telah diperbaiki:

Mesej Lama	Objek menjanakan No. Pesanan Perkhidmatan yang sama
Mesej Baru	Bahasa Melayu : Masalah talian. Sila log masuk semula. Jika masalah masih timbul, sila hubungi Khidmat Sokongan eP di talian 03-8312 2626.
	English: Connectivity error. Please log out and try again. If error persist, please contact eP Customer Support at 03-8312 2626.

Proses penyediaan katalog elektronik ePerolehan dipergiatkan



Katalog elektronik ePerolehan

Sejak Modul Pembelian Terus dilancarkan pada 10 Mei 2002, sebanyak 1000 pembekal telahpun berjaya membuat transaksi dengan pelbagai agensi kerajaan. Beberapa langkah pembolehan (*enablement*) telah diambil bagi memastikan kesediaan para pembekal untuk menjalankan transaksi dengan pihak kerajaan melalui ePerolehan. Pihak ePerolehan amat mengalu-alukan para pembekal untuk menyertai kursus-kursus latihan ePerolehan yang dijalankan. Bermula dari bulan Julai 2002 sehingga kini, sejumlah 3,706 pembekal telahpun menghadiri latihan Pembelian Terus, Kontrak Pusat dan Pendaftaran Pembekal yang dijalankan.

Bagi dua kursus yang baru dilancarkan iaitu modul Sebutharga dan Tender pula, pihak ePerolehan telahpun menerima sambutan yang amat menggalakkan dimana seramai 889 pembekal telah menghadiri kursus latihan tersebut yang dijalankan di pusat latihan Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.

Selain daripada menghadiri latihan ePerolehan, penyediaan katalog elektronik merupakan salah satu langkah pembolehan yang penting. Katalog elektronik ini memaparkan perincian produk dan perkhidmatan pembekal dalam bentuk

elektronik. Ia akan diterbitkan di ePerolehan bagi membolehkan Peminta Kerajaan untuk melayari dan memperoleh produk-produk dan perkhidmatan yang diperlukan secara atas talian.


Bagi modul **Kontrak Pusat**, sebanyak 4,460 bilangan item katalog telah dimuatkan ke dalam sistem katalog ePerolehan sehingga kini. Bagi modul **Pembelian Terus** pula, sebanyak 16,272 bilangan item katalog telah dimuatkan.

Dengan bilangan item yang semakin bertambah di dalam katalog elektronik ini, agensi-agensi kerajaan mempunyai pilihan yang lebih luas terhadap barangan atau perkhidmatan yang ingin dibeli. Adalah dimaklumkan bahawa sekiranya pihak kerajaan ingin mendapatkan item yang tiada di dalam katalog, pihak ePerolehan akan memberikan khidmat pengurusan khas (*special handling*) kepada agensi-agensi Kerajaan yang ingin membuat perolehan tersebut. Para pengguna boleh memuat turun borang tersebut di laman web ePerolehan dan lengkapkannya bagi tujuan pemprosesan. Pihak ePerolehan akan menghubungi pembekal yang dipilih berdasarkan borang yang lengkap diisi oleh pengguna Kerajaan dan meminta pembekal terpilih agar memuat naik katalog item yang dipesan. Proses memuat naik katalog melalui khidmat pengurusan khas ini hanya memakan masa selama tiga hari.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Khidmat Pelanggan di talian **03- 8312 2626** atau e-mel kami di alamat Bantuanptj@eperolehan.com.my



Imej 3D di dalam katalog ePerolehan



Tahukah Anda?

"Teknologi merupakan pemusnah hanya di tangan manusia yang tidak menyedari dan menghargai akan kepentingannya" - terjemahan dari petikan kata-kata ALAN WATTS.

Sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi:
Unit Khidmat Bantuan Pelanggan
(Customer Service)
Commerce Dot Com Sdn Bhd
Blok Enggang, Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya
Tel: 03 8312 2626
Faks: 03 8318 2488
Emel: bantuan@eperolehan.com.my